**PM ajak orang ramai hadir Rumah Terbuka Malaysia Madani di Perak**

13 Mei 2023 08:09pm

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengajak orang ramai memeriahkan Rumah Terbuka Malaysia Madani Negeri Perak yang akan berlangsung di Sunway Lost World of Tambun, Khamis ini.

Dalam hantaran di Facebooknya, beliau yang juga Ahli Parlimen Tambun berkata, majlis itu akan bermula pada pukul 6.30 petang.

"Manfaatkan sambutan Aidilfitri Mubarak dengan kasih sayang dan sikap bersilaturahmi serta bersuai kenal antara satu sama lain," katanya yang turut berkongsi poster rumah terbuka berkenaan.

Menurut poster itu, majlis itu yang akan berlangsung sehingga pukul 11 malam bakal menyajikan persembahan raja pop legenda, Datuk Jamal Abdillah dan ratu rock negara, Ella, selain beberapa artis lain tanah air.

Selain itu, pelakon dan penyanyi Sherry Ibrahim serta Hero Remaja 2020, Nadhir Nasar turut dijemput sebagai undangan istimewa.

Setakat ini, majlis Rumah Terbuka Malaysia MADANI sempena Aidilfitri telah diadakan di Kedah, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Kelantan sementara di Terengganu malam ini, manakala esok di Selangor. - Bernama